



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN	
TARIKH	:	5/12/2019	MUKA SURAT : 36
JABATAN	:	JPS	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

Air dua sungai bertembung

Punca peningkatkan paras air dan banjir di dua daerah

NORHASPIDA YATIM

KUALA TERENGGANU

Impahan air Sungai Nerus yang bertembung di lembangan Sungai Terengganu menyebabkan peningkatan jumlah mangsa banjir dari

dua daerah melibatkan Kuala Terengganu dan Kuala Nerus.

Ketua Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana negeri, Letenan Kolonel (PA) Che Adam A Rahman berkata, keadaan yang berlaku menyebabkan peningkatan paras air dan penduduk di kawasan terlibat terpaksa berpindah ke kawasan lebih selamat.

"Paras air di dua daerah ini meningkat disebabkan penurutan air dari hulu sungai bertembung di lembangan Sungai Terengganu.

"Penduduk di kawasan terlibat dipindahkan ke PPS (pusat pemindahan sementara) yang disediakan," katanya ketika ditubungi di sini semalam.

Sementara itu, sehingga jam 6 petang semalam, mangsa banjir di Terengganu menurun kepada 895 orang daripada 231 keluarga yang ditempatkan di tujuh PPS melibatkan tiga daerah.

Mangsa banjir bagi lima daerah lain iaitu Besut, Setiu, Hulu Terengganu, Marang dan Kemaman pula telah dibenarkan pulang ke rumah semalam.



Kederaan banjir di Kampung Paya Besar, Hulu Terengganu pada 2 Disember lalu.

INFO BANJIR

TERENGGANU

Jumlah mangsa:

895 orang

Jumlah keluarga:

231 keluarga

PPS:

7 lokasi

KELANTAN

Jumlah mangsa:

12,360 orang

Jumlah keluarga:

4,712 keluarga

PPS:

34 lokasi